

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan industri aeroangkasa dan sejauh mana penglibatan usahawan-usahawan dalam bidang aeroangkasa dan sumbangan industri ini kepada masyarakat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada soalan tersebut, berikut adalah rumusan kepada perkembangan industri aeroangkasa dan senarai penglibatan usahawan-usahawan di dalam bidang aeroangkasa serta sumbangan industri kepada masyarakat.

**1.0 Perkembangan Industri Aeroangkasa**

Industri aeroangkasa (tidak termasuk sektor penerbangan) telah berkembang pada kadar 6% sejak 4 tahun lepas. Di mana RM9.5 bilion jumlah pendapatan telah diperolehi dan membuka lebih 19,200 peluang pekerjaan. Selain itu, industri aeroangkasa turut mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM387 juta pada tahun 2013. Antara batu penanda yang telah melonjakkan kedudukan negara di dalam industri ini adalah kejayaan syarikat tempatan berada di dalam rangkaian bekalan antarabangsa syarikat Boeing dan Airbus, transformasi Lapangan Terbang Subang kepada Malaysia International Aerospace Centre (MIAC) sebagai hub industri Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) serta pelancaran satelit Tiung-SAT dan Razak-SAT.

Perkembangan industri aeroangkasa negara dapat dilihat menerusi penglibatan pemain industri aeroangkasa tempatan seperti CTRM, STRAND Aerospace, AIROD Aerospace Technology dan SME Aerospace yang telah berjaya meletakkan Malaysia di kalangan pemain-pemain industri antarabangsa. Selain itu, usahawan-usahawan tempatan seperti berikut telah semakin dikenali di dalam industri aeroangkasa tempatan dan luar negara.

Di antaranya adalah:

- **MRO:** Mycopter Aviation Services Sdn Bhd, Global Turbine Asia Sdn Bhd, Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn Bhd, Aviation Design Centre Sdn Bhd, Systematic Aviation Services Sdn Bhd
- **Aerospace Manufacturing:** Innopeak (M) Sdn Bhd, Admanco Sdn Bhd, All Star Fortress Sdn Bhd, Newtools Automation Sdn Bhd
- **Systems Integration:** Ikramatic Systems Sdn Bhd, Unmanned Systems Technology Sdn Bhd, Astronautic Technology (M) Sdn Bhd, System Consultancy Services Sdn Bhd

Seterusnya, industri aeroangkasa negara telah menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan hasil daripada pelaburan langsung yang diterima dari dalam dan luar negara di mana sektor MRO telah menunjukkan jumlah pekerjaan yang tertinggi. Peluang pekerjaan yang dihasilkan adalah termasuk tenaga kerja kolar biru dan kolar putih.

Selain itu, industri aeroangkasa turut menjana industri-industri lain samada secara langsung atau tidak langsung seperti industri perkhidmatan sokongan. Manakala pendedahan kepada teknologi tinggi serta peluang untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan meningkatkan daya saing industri aeroangkasa negara serta membuka pasaran baru samada pasaran serantau atau antarabangsa.

Sekian, terima kasih.